



PERJANJIAN PINJAMAN PEMBELIAN KOMPUTER BAGI PEMEGANG BIASISWA PETRONAS DI AMERIKA SYARIKAT

1. SYARAT-SYARAT PINJAMAN

- 1.1 Pelajar yang layak memohon ialah yang sedang menerima biasiswa PETRONAS dan mengikuti kursus peringkat ijazah.
- 1.2 Pinjaman hanya boleh diberi sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.
- 1.3 Pinjaman ini adalah membeli sebuah komputer peribadi (personal computer) yang bernilai tidak melebihi US\$ 1,500.00 (U.S Dollar Satu Ribu Lima Ratus sahaja). Sekiranya nilai komputer tersebut kurang daripada had pinjaman Pelajar boleh memohon untuk membeli bersama sebuah pencetak (printer). Walau bagaimanapun, nilai pinjaman bagi kedua-dua komputer peribadi dan pencetak tidak boleh melebihi US\$ 1,500.00.
- 1.4 Pinjaman ini adalah untuk tujuan pembelian barangan baru sahaja.

2. PERATURAN PEMBELIAN

- 2.1 Semua permohonan hendaklah dikemukakan dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:-
 - (a) 1 salinan Borang Permohonan
 - (b) 1 salinan sebutharga (atas nama pemohon)
 - (c) Surat dari pensyarah mengesahkan Pelajar memerlukan komputer.
- 2.2 Setelah permohonan diluluskan, pelajar dikehendaki menandatangani 2 salinan Borang Perjanjian.
- 2.3 Setelah semua dokumen Borang Perjanjian diterima dan didapati teratur, jumlah wang yang diluluskan akan dibayar kepada penjual, atau dibayar kepada Pelajar sekiranya Pelajar telah membuat pembelian terdahulu.
- 2.4 Bukti pembelian atau resit hendaklah dihantarkan kepada Penasihat Pelajar PETRONAS, di Washington DC.

2.5 Pelajar tidak dibenarkan menjual barangan yang dibeli sebelum tamat tempoh pengajian. Kelonggaran hanya boleh diberi sekiranya Pelajar ingin membeli komputer peribadi dan / atau pencetak yang lebih terbaru dan kelulusan bertulis hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

3. AMARAN

Tujuan skim pinjaman ini adalah untuk membantu Pelajar mendapatkan komputer peribadi dan pencetak bagi memudahkan Pelajar mengikuti pengajian. Pelajar yang didapati melanggar mana-mana syarat yang ditetapkan akan diminta membayar balik secara tunai wang yang telah diterima dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis.

4. Pinjaman ini akan menjadi sebahagian daripada pinjaman boleh ubah pelajaran yang di terima oleh Pelajar.

PERJANJIAN PINJAMAN PEMBELIAN KOMPUTER

Perjanjian ini dibuat antara _____ ,
No. K/P : _____ dan PETRONAS.

PETRONAS sebagai penganjur akan membayar wang bersamaan nilai sebenar atau tidak melebihi \$1,500.00, yang mana lebih rendah, untuk pembelian sebuah komputer **mengikut syarat-syarat** diatas.

PELAJAR

PETRONAS

(_____)

(Aznan Saad)
Penasihat Pelajar PETRONAS
Washington DC

Saksi I

Saksi II

Nama: _____

Nama: _____

Alamat: _____

Alamat: _____
